

**NO. SOALAN : 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**

**SOALAN : 75**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina sebuah pelabuhan di Kelantan demi menjamin kemajuan ekonomi negeri Kelantan.

## JAWAPAN

Untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan kajian *National Ports Strategy* pada tahun 2016 yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dengan melantik World Bank, merumuskan bahawa tidak wujud keperluan mendesak bagi Kerajaan untuk membangunkan pelabuhan baru dan mengesyorkan supaya langkah mengoptimumkan penggunaan pelabuhan yang sedia ada dilaksanakan terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat untuk pembangunan sesuatu pelabuhan baru. Kajian ini juga mengesyorkan supaya pembangunan sesebuah pelabuhan baru hanya dipertimbangkan dan dikaji setelah sesebuah pelabuhan mencapai kapasiti pengendalian kargo lebih daripada 75 peratus (%).

Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan merupakan Pelabuhan Persekutuan yang diwujudkan di kawasan Pantai Timur yang dikawalselia masing-masing di bawah tadbir urus Lembaga Pelabuhan Kemaman (LPKmn) dan Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn).

Jumlah pendapatan daripada pengendalian kargo di Pelabuhan Kemaman pada tahun 2017 adalah RM58.7 juta bagi 5,515,858 juta tan kargo kendalian. Bagi suku tahun kedua 2018, jumlah kendalian kargo di Pelabuhan Kemaman adalah 935,956 FWT yang merupakan peningkatan sebanyak 6.24 peratus (%) dari suku tahun pertama.

Manakala, pendapatan dari pengendalian kargo di Pelabuhan Kuantan pada tahun 2017 direkodkan berjumlah RM 170,894,589.24 bagi pengendalian sebanyak 17,462,343 juta tan kargo. Prestasi pengendalian kontena (TEUs) Pelabuhan Kuantan secara keseluruhan bagi suku tahun

kedua 2018 telah menurun 2.75 peratus (%) iaitu dari 36,623 TEUs pada suku tahun kedua 2017 ke 35,617 TEUs pada tahun ini.

Di negeri Kelantan, terdapat jeti Tok Bali *Supply Base* yang dibangunkan oleh pihak swasta untuk menyokong aktiviti luar pesisir pantai bagi industri minyak dan gas. Selain daripada itu, terdapat juga jeti-jeti persendirian yang dibangunkan di sepanjang pesisir pantai negeri Kelantan hingga ke bahagian timur pantai negeri Johor yang dikawal selia oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui peruntukan dibawah Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952.

Namun demikian, Kerajaan pada ketika ini tidak mempunyai sebarang rancangan dan hasrat untuk membina pelabuhan baru di Kelantan.